

## BAB 4

### PENEMUAN DAN PENGANALISAAN DATA

#### 4.1 Penganalisaan data

Borang soal selidik yang diterima daripada responden dianalisa menggunakan kaedah statistik dan perisian SPSS 10.1 bagi mendapatkan keputusan kajian. Secara keseluruhannya, semua responden menjawab soalan yang diberikan dan memberikan kerjasama dengan baik.

#### 4.2 Sumber elektronik yang terdapat di Perpustakaan HUKM.

Hasil temubual dengan Ketua Perpustakaan HUKM menyatakan bahawa Perpustakaan HUKM menyediakan sumber elektronik kepada pelajar Fakulti Perubatan UKM (Jadual 1).

Jadual 1 : Sumber Maklumat Elektronik di Perpustakaan HUKM.

Jenis Sumber Maklumat Elektronik	Judul Sumber Maklumat Elektronik
Pangkalan data teks penuh	<ol style="list-style-type: none"><li>1. OVID / Medline,</li><li>2. Proquest Medical</li><li>3. Blackwell-Synergy</li><li>4. MD-Consult</li><li>5. Science Direct</li><li>6. EBSCO Host</li><li>7. Springer Link</li><li>8. Emerald</li><li>9. PsycINFO and PsycARTICLES</li><li>10. Encyclopedia of Life Sciences</li></ol>
Pangkalan data bukan teks penuh	<ol style="list-style-type: none"><li>1. CRL-Online</li><li>2. Micromedex.</li></ol>
Pangkalan data imej	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Images.MD</li></ol>
CD-ROM	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Proquest</li><li>2. CD-ROM Multimedia</li></ol>
Sumber Maklumat berdasarkan Web	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Internet (World Wide Web)</li></ol>

Sumber elektronik yang disediakan meliputi 10 pangkalan data teks penuh. Semua pangkalan data teks penuh ini menyediakan artikel jurnal teks penuh dalam pelbagai bidang antaranya bidang perubatan, sains biologi, kejururawatan, pengurusan perniagaan, dan pendidikan. Selain daripada itu, Perpustakaan HUKM juga menyediakan pangkalan data imej perubatan dalam pangkalan data. Pangkalan data bukan berbentuk teks penuh juga disediakan iaitu *CRL-Online*, dan *Micromedex*. Pangkalan data *CRL-Online* menyediakan maklumat berkaitan dadah dan ubat-ubatan. Manakala, pangkalan data *Micromedex* menyediakan maklumat berkaitan rawatan kesihatan dan penjagaan persekitaran.

Perpustakaan HUKM turut menyediakan sumber maklumat lain seperti CD-ROM Proquest dan CD-ROM Multimedia. Sumber maklumat berdasarkan web iaitu Internet juga disediakan oleh perpustakaan.

Penyediaan sumber elektronik ini melibatkan jumlah yang besar iaitu sebanyak RM2 juta pada permulaan langganan dan RM 500,000 setiap tahun.

Masalah yang sering dihadapi ialah penggunaan id pengguna dan kata laluan oleh pelajar pada sesetengah pangkalan data seperti *OVID/MEDLINE*. Pangkalan data *OVID/MEDLINE* memerlukan setiap pelajar mempunyai id pengguna dan kata laluan sendiri dan berasingan. Oleh itu, pustakawan perlu mewujudkan id pengguna dan kata laluan berasingan bagi setiap pelajar. Keadaan ini menimbulkan masalah kerana pustakawan perlu menyediakan id pengguna dan kata laluan pada setiap kali pendaftaran. Ini bermakna jika terdapat seribu pelajar mendaftar, pustakawan perlu menyediakan seribu id pengguna dan kata laluan dalam satu masa. Disamping itu, pustakawan juga

sukar untuk membuat pengawalan penggunaan id pengguna dan kata laluan jika pelajar berhenti dan sebagainya.

Selain daripada itu, masalah lain yang dihadapi ialah lesen penggunaan yang terhad bagi beberapa pangkalan data seperti *OVID/MEDLINE*. Beberapa jurnal atas talian *OVID/MEDLINE* menyediakan lesen penggunaan yang terhad iaitu hanya 3 – 4 lesen penggunaan serentak. Ini menyebabkan masalah akses kepada beberapa jurnal elektronik *OVID/MEDLINE* tersebut.

Perpustakaan telah membuat langkah penyelesaian bagi masalah tersebut dengan menyediakan dan mewujudkan sebuah Web portal Perpustakaan HUKM (<http://lib.hukm.ukm.my>). Web portal ini membolehkan akses kepada pangkalan data tersebut melalui pendaftaran atas talian. Para pelajar boleh mendaftar sendiri dan mewujudkan id pengguna dan kata laluan sendiri. Kaedah pengaksesan “single sign-on” digunakan bagi memudahkan pengguna mengakses secara terus kepada semua pangkalan data atas talian yang disediakan oleh Perpustakaan HUKM. Disamping itu, pustakawan dapat membuat pengawalan penggunaan pangkalan data di kalangan pelajar dengan adanya portal ini. Ianya memudahkan proses pendaftaran dan pengaksesan terus kepada pangkalan data.

Perpustakaan HUKM juga menyediakan beberapa perkhidmatan atas talian seperti “Perkhidmatan Pembekalan Dokumen”. Perkhidmatan itu dapat menyelesaikan masalah mendapatkan artikel teks penuh yang tidak terdapat dalam pangkalan data yang disediakan. Portal perpustakaan juga menyediakan ‘Maklumbalas Atas Talian’ dalam portal yang disediakan di mana pengguna yang mempunyai masalah penggunaan pangkalan data dan sumber elektronik dapat menyalurkan permasalahan melalui

perkhidmatan ini. Dengan itu, pihak pengurusan Perpustakaan HUKM dapat menyelesaikan masalah pengguna secara interaktif dan cepat.

#### **4.3 Maklumat Asas Responden.**

Seramai 161 orang responden telah menjawab dan mengembalikan borang soal selidik untuk dianalisa. Jumlah ini merupakan 62 % daripada 259 borang yang diedarkan. Dalam borang soalselidik, maklumat asas responden seperti jantina , bangsa, tahun pengajian, lokasi kediaman, dan penyelidikan diperlukan bagi mengetahui serba sedikit latar belakang responden.

Maklumat asas pertama yang diperlukan iaitu jantina. Berdasarkan kepada borang soal selidik didapati seramai 42 % responden adalah lelaki manakala 58 % adalah wanita (Jadual 2).

Jadual 2 : Jantina responden (n = 161)

Jantina	Frekuensi	%
Lelaki	68	42
Perempuan	93	58
<b>Jumlah</b>	<b>161</b>	<b>100</b>

Bagi pecahan pembahagian responden mengikut tahun pengajian terdapat 19.2 % pelajar tahun lima, 20.5 % pelajar tahun 4 dan 60.3% pelajar tahun 3 (Jadual 3).

Jadual 3 : Tahun Pengajian (n=161)

Tahun Pengajian	Frekuensi	%
Tahun 5	31	19.2
Tahun 4	33	20.5
Tahun 3	97	60.3
<b>Jumlah</b>	<b>161</b>	<b>100</b>

Seramai 80.8 % responden tinggal di kolej asrama manakala terdapat 19.2 % tinggal di luar kolej asrama (Jadual 4)

Jadual 4 Tempat kediaman terkini (n=161)

Tempat Kediaman	Frekuensi	%
Kolej Asrama	130	80.8
Luar Kolej Asrama	31	19.2
<b>Jumlah</b>	<b>161</b>	<b>100</b>

Sebanyak 17.9% responden yang majoritinya daripada pelajar tahun 5 sedang membuat penyelidikan. Manakala, seramai 82.1 % adalah pelajar yang tidak membuat penyelidikan pada masa kini. (Jadual 5).

Jadual 5 Status membuat penyelidikan (n=161)

Buat Penyelidikan / Tidak	Frekuensi	%
Tidak Buat Penyelidikan	132	82.1
Buat Penyelidikan	29	17.9
<b>Jumlah</b>	<b>161</b>	<b>100</b>

#### **4.4 Penggunaan Sumber Elektronik**

Daripada keseluruhan responden yang menjawab soalan ini didapati sebanyak 67 % menggunakan sumber elektronik yang disediakan oleh Perpustakaan HUKM. Selebihnya, 33 % tidak menggunakan sumber elektronik di Perpustakaan HUKM. (Jadual 6).

Jadual 6 : Penggunaan sumber elektronik perpustakaan HUKM (n=161).

Penggunaan	Frekuensi	%
Ya	108	67
Tidak	53	33
<b>Jumlah</b>	<b>161</b>	<b>100</b>

Sebanyak 42 % menggunakan sumber elektronik pada kekerapan lebih daripada sekali seminggu. Ini adalah kekerapan tertinggi. Manakala, sebanyak 31 % menggunakannya sebulan sekali. Sementara itu, 24 % menggunakan sumber elektronik seminggu sekali. Hanya Sebanyak 3 % responden telah menggunakan sumber elektronik setiap hari. . (Jadual 7)

Jadual 7 : Kekerapan penggunaan sumber elektronik (n=108)

Kekerapan	Frekuensi	%
Setiap hari	4	3
Lebih dari sekali seminggu	45	42
Seminggu sekali	26	24
Sebulan sekali	33	31
<b>Jumlah</b>	<b>108</b>	<b>100</b>

Kajian ini juga mendapatkan data bagi menjawab persoalan faktor yang menggalakkan penggunaan dan yang tidak menggalakkan penggunaan sumber elektronik. (Jadual 8). Daripada data yang diperolehi, faktor penggalak yang tertinggi adalah faktor ‘ia menyediakan sistem pencarian yang mudah’ (92%), diikuti faktor ‘ia mudah digunakan berbanding bahan bercetak’ (87%) dan faktor tugas dan pembelajaran memerlukan penggunaan sumber elektronik (86%). Disamping itu, faktor-faktor penggalak yang lain adalah terdiri daripada faktor ‘maklumat dan teks penuh yang disediakan menepati kehendak saya’ (73%), diikuti faktor ‘ia mudah diakses dari rumah dan luar perpustakaan’ (57%) dan faktor terendah ialah ‘galakan daripada pensyarah dan fakulti’ (53%). Hasil daripada data ini menunjukkan bahawa responden lebih banyak yang menjawab ‘ya’ bagi faktor penggalak yang dinyatakan daripada yang menjawab ‘tidak’.

Jadual 8 : Faktor Penggalak penggunaan Sumber elektronik (n=108)

Faktor Penggalak	Ya	Tidak	Tidak Jawab Ya/Tidak	Jumlah
Galakan daripada pensyarah dan Fakulti	57 (53%)	42 (45%)	9 (8%)	108 (100%)
Tugas dan pembelajaran memerlukan penggunaan sumber elektronik	93 (86%)	13 (12%)	2 (2%)	108 (100%)
Ia mudah digunakan berbanding bahan bercetak	94 (87%)	13 (12%)	1 (1%)	108 (100%)
Ia mudah diakses dari rumah atau luar perpustakaan	62 (57%)	42 (39%)	4 (4%)	108 (100%)
Ia menyediakan sistem pencarian yang mudah	99 (92%)	9 (8)	0 (0%)	108 (100%)
Maklumat dan teks penuh yang disediakan menepati kehendak saya	79 (73%)	23 (21%)	6 (6%)	108 (100%)

dual 9 : Penggunaan setiap sumber elektronik yang disediakan di perpustakaan HUKM.(n=108)

pan ektronik	Paling Kerap	Kerap	Sederhana	Kurang Kerap	Tidak Digunakan	Harga Langganan Setahun Perpustakaan HUKM (RM)
	26 (29 % )	15 (14%)	12 (11 %)	7 (7%)	48 ( 44 %)	296,654.70
Medical	9 (8%)	13 ( 12%)	12 (11 %)	8 (7%)	66 (62%)	69,818.14
Synergy	-	1 (1%)	7 (6%)	2 (2%)	98 (91%)	21,448.00
ult	1 (1%)	3 (3%)	5 (5%)	4 (4%)	95 (87%)	9,032.00
rect	3 (3%)	2 (2%)	4 (4%)	3 (3%)	96 (88%)	Dilangganan PTSL* U
st	-	1 (1%)	1 (1%)	6 (6%)	100 (92%)	Dilangganan PTSL* U
Link	-	3 (3%)	1 (1%)	5 (6%)	99 (91%)	Dilangganan PTSL* U
		1 (1%)	1 (1%)	6 (5%)	100 (92%)	Dilangganan PTSL* U
&	1 (1%)	1 (1%)	5 (5%)	5 (5%)	96 (88%)	12,540.00
edia of Life	3 (3%)	2 (2%)	4 (4%)	6 (6%)	93 (86%)	14,529.20
ine	-	2 (2%)	4 (4%)	4 (4%)	98 (90%)	14,426.00
MD	-	6 (6%)	2 (2%)	4 (4%)	96 (88%)	9, 030
dex	1 (0.9%)	3 (2.7%)	2 (1.9%)	5 (4.6%)	97	16,188.00
l Proquest	4 (4%)	3 (3%)	8 (7%)	6 (7%)	85 (79%)	-
Maklumat Web	36 (33 %)	16 (15%)	5 (5%)	4 (4%)	47 (43%)	-
I Multimedia	5 (5%)	6 (6%)	10 (9%)	7 (6%)	80 (74%)	-

\* PTS -Perpustakaan Tun Seri Lanang

Jadual 9 diatas menunjukkan kekerapan penggunaan setiap sumber elektronik yang disediakan oleh perpustakaan HUKM bagi pelajar Fakulti Perubatan tahun 3 hingga 5 pengajian. Sumber maklumat berdasarkan Web merupakan sumber elektronik yang paling kerap digunakan iaitu 33% diikuti oleh pangkalan data *OVID/MEDLINE* sebanyak 28%.

Penyelidik juga telah mendapatkan jawapan bagi persoalan penyelidikan “faktor yang tidak menggalakkan pelajar menggunakan sumber elektronik” berdasarkan 53 responden yang menjawab tidak pernah menggunakan sumber elektronik. (Jadual 10)

**Jadual 10 : Faktor yang tidak menggalakkan para pelajar dalam penggunaan sumber elektronik (n=53)**

<b>Faktor bukan Penggalak</b>	<b>Ya</b>	<b>Tidak</b>	<b>Tidak Jawab Ya/Tidak</b>	<b>Jumlah</b>
Kurang mahir menggunakan sumber elektronik	28 (53%)	12 (22%)	13 (25%)	<b>53 (100%)</b>
Ia tidak menyediakan maklumat dan teks penuh yang menepati kehendak	31 (58%)	26 (49%)	4 (8%)	<b>53 (100%)</b>
Cenderung menggunakan bahan bercetak	35 (66%)	7 (13%)	11 (21%)	<b>53 (100%)</b>
Tugasan dan pembelajaran tidak perlu penggunaan sumber elektronik	17 (32%)	25 (47%)	11 (21%)	<b>53 (100%)</b>
Ia tidak menyediakan perkhidmatan yang ‘mesra pengguna’	33 (62%)	11(20%)	9 (17%)	<b>53 (100%)</b>
Tidak sedar kewujudan sumber elektronik Di Perpustakaan HUKM	11(21%)	30(57%)	12 (23%)	<b>53 (100%)</b>

Sebanyak 53 % responden memilih faktor “mereka kurang mahir menggunakan sumber elektronik” sebagai faktor tidak menggalakkan mereka menggunakan sumber elektronik, manakala 10 % menjawab ianya bukan faktor tidak menggalak penggunaan. Seramai 29% responden memilih “faktor sumber elektronik tidak menyediakan maklumat teks penuh yang menepati kehendak mereka” sebagai faktor tidak menggalakkan mereka menggunakan sumber elektronik. Seramai 49% responden tidak memilih ia sebagai faktor yang tidak menggalakkan mereka menggunakan sumber elektronik.

Sebanyak 66% responden memilih faktor mereka “cenderung menggunakan sumber bercetak” sebagai faktor tidak menggalakkan mereka menggunakan sumber elektronik. Faktor ini merupakan faktor tertinggi berbanding faktor yang lain.

Bagi faktor “tugasan mereka tidak perlu guna sumber elektronik” menunjukkan bahawa hanya 33% memilih ia sebagai faktor. Sebanyak 62% responden memilih faktor “sumber elektronik tidak menyediakan perkhidmatan yang mesra pengguna” sebagai faktor mereka tidak menggunakan sumber elektronik. Bagi faktor “saya tidak sedar kewujudan sumber elektronik di Perpustakaan HUKM” menunjukkan 20 % telah memilih ianya sebagai faktor mereka tidak menggunakan sumber elektronik.

#### **4.5 Kaedah Pencarian Maklumat**

Tidak dapat dinafikan bahawa kebanyakan pelajar hanya menggunakan kaedah pencarian maklumat yang terhad dan terbatas apabila menggunakan enjin pencari yang terdapat dalam sumber elektronik Perpustakaan HUKM. Ini terbukti dengan hasil soal selidik yang menunjukkan bahawa seramai 73% daripada 161 jumlah responden telah menggunakan pencarian asas seperti tajuk, pengarang dan kata kunci. Manakala seramai 50 % responden mengaplikasi kaedah pencarian menggunakan frasa yang merupakan kaedah yang kedua popular selepas pencarian asas. Sebanyak 18% menggunakan pencarian maklumat menggunakan kaedah Boolean (and, or, not) dan hanya 11 % responden menggunakan kaedah pencarian ‘truncation’. (Jadual 10).

Jadual 11 : Kaedah pencarian maklumat yang digunakan (n=161)

Kaedah Pencarian Maklumat	Ya	Tidak	Tidak Jawab Ya/Tidak	Jumlah
Pencarian asas (tajuk,pengarang...dan lain-lain )	117 (73%)	14 (9%)	30 (18%)	<b>161 (100%)</b>
Penggunaan kaedah Boolean (and, or, not)	29 (18%)	109 (68%)	23 (14%)	<b>161 (100%)</b>
Penggunaan ‘truncation’	18 (11%)	116 (72%)	27 (17%)	<b>161 (100%)</b>
Penggunaan frasa	81 (50%)	60 (37%)	20 (13%)	<b>161 (100%)</b>

Disamping itu, penyelidik juga telah mendapatkan data mengenai pelajar yang pernah hadir latihan dan bengkel khusus tentang cara atau kaedah pencarian maklumat sumber elektronik. Hasil penyelidikan menunjukkan majoriti responden (76%) tidak pernah menghadiri latihan atau bengkel khusus tentang cara atau kaedah pencarian maklumat sumber maklumat elektronik Perpustakaan HUKM. (Jadual 12)

Jadual 12 : Kehadiran di latihan dan bengkel khusus kaedah pencarian maklumat sumber elektronik (n=161)

Kehadiran	Frekuensi
Pernah	39 (24%)
Tidak Pernah	122 (76%)
<b>Jumlah</b>	<b>161 (100%)</b>

Penyelidik juga telah mendapatkan data mengenai persoalan bentuk panduan yang perlu disediakan oleh Perpustakaan HUKM tentang cara dan kaedah pencarian maklumat sumber elektronik. Hasil daripada soal selidik menunjukkan dengan jelas bahawa secara keseluruhannya responden memerlukan panduan bercetak dan ini diikuti dengan responden yang memerlukan panduan berbentuk atas talian. Selain daripada itu, responden juga telah memberikan beberapa bentuk panduan yang lain antaranya latihan, bengkel, kelas, taklimat, kursus, seminar dan notis atau panduan didepan komputer serta poster (Jadual 13).

Jadual 13 : Bentuk panduan yang perlu disediakan oleh perpustakaan HUKM tentang cara dan kaedah pencarian maklumat sumber elektronik (n=161)

<b>Bentuk Panduan</b>	<b>Ya</b>	<b>Tidak</b>	<b>Tidak Jawab</b>	<b>Jumlah</b>
			<b>Ya/Tidak</b>	
Bercetak	129 (80%)	6 (4%)	26 (16%)	<b>161(100%)</b>
Atas talian	122 (76%)	14 (9%)	25 (15%)	<b>161(100%)</b>
Lain-lain	9 (6%)	-	-	-

#### 4.6 Kepentingan Sumber Elektronik

Jadual 14 menunjukkan sumber elektronik di perpustakaan penting bagi proses pembelajaran dan penyelidikan pelajar. Sebanyak 85% responden menjawab ianya penting manakala hanya 15% responden menjawab ianya tidak penting.

Jadual 14 : Kepentingan sumber elektronik di perpustakaan bagi pembelajaran dan penyelidikan pelajar (n=161)

<b>Persoalan</b>	<b>Frekuensi</b>
Sumber elektronik penting	137 (85%)
Sumber elektronik tidak penting	24 (15%)
<b>Jumlah</b>	<b>161 (100%)</b>

Kajian menunjukkan bahawa sebanyak 78 % responden menyatakan bahawa sumber elektronik penting kerana ianya “menyediakan sumber maklumat dan teks penuh kepada para pelajar”. Selain daripada itu, sebanyak 77% responden memilih ianya “menyediakan pengaksesan maklumat secara atas talian yang membolehkan pengaksesan

pada bila-bila masa dan mudah” yang menyebabkan sumber elektronik sebagai penting kepada pelajar.

Seramai 68% responden pula telah menyatakan kepentingan sumber elektronik adalah kerana ianya “menyediakan kemudahan ‘muat turun’ (download) maklumat” dan “menyediakan maklumat artikel jurnal yang lebih banyak berbanding jurnal bercetak”. Terdapat beberapa kepentingan lain sumber elektronik yang diberikan oleh para responden iaitu ianya memberikan sistem pencarian maklumat yang mudah dan maklumat yang disediakan oleh sumber elektronik adalah terkini dan sentiasa dikemaskini. (Jadual 15)

Jadual 15 : Kepentingan sumber elektronik (n=137)

Kepentingan	Ya	Tidak (%)	Tidak	Jawab	Jumlah (%)
			Ya tidak (%)		
Menyediakan maklumat dan artikel teks penuh untuk maklumat penyelidikan anda	126 (78%)	3 (2%)	8 (6%)		<b>137 (100%)</b>
Menyediakan pengaksesan maklumat secara atas talian yang membolehkan akses bila-bila masa dan mudah	124 (77%)	6 (4%)	7 (5%)		<b>137 (100%)</b>
Menyediakan kemudahan ‘muat turun’ maklumat	109 (68%)	19 (12%)	9 (7%)		<b>137 (100%)</b>
Menyediakan maklumat artikel jurnal yang lebih banyak berbanding jurnal bercetak	109 (68%)	19 (12%)	9 (7%)		<b>137 (100%)</b>
lain-lain	3 (2%)	-	-		-

Responden yang menyatakan bahawa sumber elektronik tidak penting juga telah ditanya mengapa sumber elektronik tidak penting kepada pembelajaran dan penyelidikan mereka. Sebanyak 75% telah memilih “maklumat dari bahan bercetak telah mencukupi”. Sebanyak 75% responden juga memilih sebab “bidang pembelajaran dan penyelidikan mereka kurang memerlukan sumber elektronik” sebagai sebab sumber elektronik tidak penting. Selain daripada itu, responden ada menyatakan lain-lain sebab tidak penting iaitu “maklumat dalam sumber elektronik terlalu umum” dan “ada antaranya bercanggah antara satu sama lain”. (Jadual 16)

Jadual 16 : Sumber elektronik tidak penting kepada pembelajaran dan penyelidikan  
(n=24)

<b>Sebab tidak penting</b>	<b>Ya</b>	<b>Tidak</b>	<b>Jumlah</b>
Maklumat dari bahan bercetak sudah mencukupi	18 (75%)	6 (25%)	<b>24 (100%)</b>
Bidang pembelajaran dan penyelidikan kurang memerlukan sumber elektronik	18(75%)	6(25%)	<b>24 (100%)</b>
Lain-lain	3 (13%)	-	-

Jadual 17 : Kepentingan Sumber Elektronik kepada para pelajar bagi setiap sumber elektronik yang disediakan di perpustakaan HUKM. (n=137)

Kekerapan ber elektronik	Paling Penting	Penting	Sederhana	Kurang Penting	Tidak Penting	Ti Ja	
VID/MEDLINE	27 (20 % )	52 (38%)	18 (13 %)	8 (6%)	7 ( 5 %)	25	
oquest Medical	14 (10%)	49 ( 36%)	25 (18 %)	12 (9%)	9 (8%)	28	
ckwell-Synergy	5 (4%)	34 (25%)	21 (15%)	21 (15%)	16 (12%)	40	
D-Consult	4 (3%)	42 (26%)	16 (12%)	23 (17%)	16 (12%)	36	
ence Direct	4 (3%)	42 (26%)	18 (13%)	21 (15%)	19 (14%)	33	
co-Host	2 (2%)	16 (12%)	18 (13%)	20 (15%)	14 (10%)	67	
inger Link	3 (2%)	27 (20%)	18 (13%)	19 (14%)	14 (10 %)	56	
erald	0 (0%)	1 (1%)	1 (1%)	6 (6%)	100 (72)	29	
cInfo & PsycArticles	1 (1%)	1 (1%)	5 (5%)	5 (5%)	96 (70%)	29	
Encyclopedia of Life nces	3 (3%)	2 (2%)	4 (3%)	6 (6%)	93 (68%)	29	
RL Online	0 (0%)	2 (2%)	4 (3%)	4 (3%)	98 (72%)	29	
nages .MD	0 (0%)	6 (6%)	2 (2%)	4 (4%)	96 (70%)	29	
icromedex	1 (1%)	3 (3%)	2 (2%)	5 (5%)	97(71%)	29	
D-ROM Proquest	4 (4%)	3 (3%)	8 (7%)	6 (7%)	85 (62%)	31	
umber askan Web	Maklumat	36 (33 %)	16 (15%)	5 (5%)	4 (4%)	47 (43%)	29
D-ROM Multimedia		5 (5%)	6 (6%)	10 (9%)	7 (6%)	80 (58%)	29

Kajian menunjukkan bahawa pangkalan data *OVID* adalah sumber yang paling penting berbanding sumber elektronik yang lain iaitu 20% responden telah menjawab ianya sebagai sumber elektronik paling penting bagi mereka. Manakala, sumber elektronik Web mendapat tempat kedua bagi sumber elektronik yang paling penting dengan seramai 15% responden memilih ianya sebagai paling penting berbanding sumber elektronik yang lain. Seramai 10.3 % responden telah memilih kedua-dua Pangkalan data proquest dan CD-ROM multimedia sebagai paling penting berbanding sumber elektronik yang lain. Jadual 17 dibawah menunjukkan kepentingan sumber elektronik kepada para pelajar bagi setiap sumber elektronik yang disediakan di Perpustakaan HUKM.

#### **4.7 Kesimpulan :**

Secara keseluruhannya bab ini menunjukkan analisa temuramah dan soal selidik yang telah dijalankan bagi mendapatkan jawapan kepada persoalan penyelidikan yang hendak diperolehi. Penemuan – penemuan dan analisa ini dapat membantu penyelidik dalam menjawab persoalan penyelidikan kajian ini. Hasil penganalisaan data yang dibuat kajian ini menunjukkan sumber elektronik yang disediakan di Perpustakaan HUKM adalah pangkalan data teks pebuh, pangkalan data bukan teks penuh, CD-ROM dan sumber maklumat berasaskan web. Dari segi penggunaan sumber maklumat elektronik menunjukkan peratus yang menggunakan sumber elektronik lebih tinggi berbanding peratus yang tidak menggunakan sumber tersebut dan kekerapan penggunaan adalah rendah iaitu hanya 3% yang menggunakannya setiap hari. Bagi faktor penggalak penggunaan sumber maklumat elektronik yang tertinggi adalah faktor ‘ia menyediakan sistem pencarian yang mudah. Dari aspek kaedah pencarian yang digunakan menunjukkan bahawa kaedah pencarian yang paling tinggi digunakan ialah menggunakan

pencarian asas (tajuk, pengarang dan lain-lain). Selain itu, kajian menunjukkan sumber maklumat elektronik adalah penting kepada para pelajar dengan pangkalan data OVID adalah sumber terpenting. Dengan itu, analisa ini dapat dijadikan panduan dalam penyediaan sumber elektronik di perpustakaan HUKM.